

SOALAN NO. 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI [SIBUTI]
TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 8

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi melihat isu masalah Autisme di kawasan luar bandar seperti di rumah panjang dan kampung agar ibu bapa mendapat akses kepada khidmat bantuan serta kesedaran autisme di kalangan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan dan program pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia yang meliputi semua kategori OKU termasuk autisme adalah berteraskan kepada Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016 - 2022. Pelan ini memperuntukkan peranan pelbagai *lead agency* yang bertanggungjawab kepada isu-isu utama OKU seperti kesihatan, pendidikan, pekerjaan dan perkhidmatan sosial. Bagi memastikan setiap *lead agency* dapat memenuhi perancangan dan sasaran yang telah diperuntukkan dalam pelan, Kementerian ini melaksanakan pemantauan status pencapaian program atau tindakan yang telah termaktub dalam pelan secara berkala.

Antara program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini bagi memastikan ibu bapa termasuk yang berada di luar bandar untuk mendapat akses kepada khidmat bantuan dan kesedaran mengenai autisme adalah:

- i. **Melaksanakan Kempen Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)**

Kempen pendaftaran OKU dilaksanakan secara berkala pada setiap tahun di seluruh negara mengikut negeri atau zon (yang turut melibatkan kawasan pedalaman) bagi tujuan seperti berikut:

- a. Merangka program dan aktiviti bersesuaian berdasarkan data yang diperolehi seperti program khusus untuk autisme; dan
- b. meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat, keluarga dan OKU termasuk autisme akan kepentingan pendaftaran sebagai OKU.

Seramai 21,287 kanak-kanak autisme telah berdaftar dengan JKM sehingga 31 Disember 2018.

ii. Menyediakan Perkhidmatan TASKA OKU

Kerajaan telah menubuhkan enam buah TASKA OKU sebagai projek perintis bagi enam kategori kanak-kanak OKU yang merangkumi Sindrom Down, Autisme, penglihatan, pendengaran, fizikal dan masalah pembelajaran. Taska bagi kanak-kanak OKU Autisme Khas adalah Taska Autisme, di Sibu, Sarawak.

iii. Menawarkan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Pada ketika ini terdapat 554 buah PDK di seluruh negara dan 10 peratus daripada jumlah PDK di Malaysia terletak di Negeri Sarawak. Seramai 20,573 OKU sedang menerima perkhidmatan di semua PDK di seluruh negara sehingga 31 Disember 2018.

iv. Penglibatan Pegawai JKM Dalam Program Advokasi

Pegawai JKM terlibat sebagai penceramah atau ahli panel dalam pelbagai program/majlis anjuran agensi kerajaan dan NGO untuk memberi kesedaran mengenai autisme.

v. Penyebaran Maklumat Autisme Melalui Media Massa

JKM sentiasa bekerjasama dengan pihak penyiaran seperti di televisyen dan radio dalam penyebaran maklumat berkaitan autisme. Sebagai contoh Pegawai JKM menjadi tamu di televisyen seperti Selamat Pagi Malaysia, Wanita Hari Ini, dan tamu di radio seperti Radio Nasional, IKIM dan sebagainya bagi menyebarkan maklumat dan perkhidmatan yang disediakan untuk kesejahteraan OKU.

Buat masa ini, Kementerian mengajar komuniti untuk melihat tanda-tanda autisme seperti suka bermain secara bersendirian, hilang tumpuan dan kurang mimik muka, tingkah laku yang berulang dan hanya berminat terhadap satu atau pun dua perkara sahaja. Dengan adanya program-program kesedaran seperti ini, Kementerian percaya permohonan pendaftaran OKU akan meningkat.